

WILAYAH **KU**

BIL 33 23 - 29 **OGOS 2019**

PERCUMA PP19441/12/2018 (035014)

mediawargakota

www.wilayahku.com.my



Pembangunan secara telus

Semua pemilik tanah Kampung Baru akan dibawa berunding cara pembangunan dibuat

KERAJAAN akan membentangkan pembangunan semula Kampung Baru secara terperinci termasuk mengemukakan model reka bentuk tiga dimensi (3D) bagi memberikan gambaran lebih jelas tentang projek berkenaan kepada pemilik dan waris kawasan tersebut. Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad menegaskan, kerajaan tidak akan melaksanakan projek pembangunan tersebut secara rahsia sebaliknya

semua pihak berkepentingan akan diberi peluang untuk menyuarakan pandangan dan maklum balas atas cadangan berkenaan.

Malah beliau juga menyatakan, kerajaan akan menerajui projek pembangunan semula itu atas dasar persetujuan dengan semua pihak berkepentingan terutama pemilik dan waris tanah.

BERITA LANJUT DI MUKA 2

Waris, pemilik tanah Kampung Baru bebas beri pandangan kepada kerajaan

Bentang pelan menyeluruh, lengkap

Oleh HELMI MOHD. FOAD dan
AZLAN ZAMBRY

KUALA LUMPUR – Kerajaan akan membentangkan pelan pembangunan semula Kampung Baru secara terperinci termasuk mengemukakan model reka bentuk tiga dimensi (3D) bagi memberikan gambaran lebih jelas tentang projek berkenaan kepada pemilik dan waris kawasan tersebut.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad menegaskan, kerajaan tidak akan melaksanakan projek pembangunan tersebut secara rahsia sebaliknya semua pihak berkepentingan akan diberi peluang untuk menyuarakan pandangan dan maklum balas.

Malah beliau juga menyatakan, kerajaan akan menerajui projek pembangunan semula itu atas dasar persetujuan dengan semua pihak berkepentingan terutama pemilik dan waris tanah.

"Kita libatkan semua pihak dalam pembangunan tersebut, bukannya dibuat secara rahsia dan bukan beli tanah



KHALID (tengah) beramah mesra dengan penduduk Kampung Baru selepas majlis pra pelancaran Town Hall bersama pemilik tanah baru-baru ini.

tersebut secara paksa, setuju atau tidak setuju, ini bukan caranya," katanya pada sesi pra pelancaran Town Hall Menteri Wilayah Persekutuan Bersama Pemilik Tanah Kampung Baru di pekarangan Masjid Jamek Kampung Baru di sini baru-baru ini.

Hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Saripuddin Kasim; Pengerusi Perbadanan Kampung Baru (PKB), Tan Sri Ambrin Buang; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan; Ketua Pegawai Eksekutif PKB, Zulkurnain Hassan dan Pengarah Eksekutif Per-

ancang DBKL, Datuk Mahadi Che Ngah.

Sesi tersebut merupakan pertemuan awal bersama pemilik tanah di Kampung Baru menjelang perjumpaan penuh pada 21 September ini di Dewan Perdana Felda yang dijadual dihadiri Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Kerajaan bakal mengumumkan pelan perancangan terperinci berkaitan pembangunan semula Kampung Baru dan membuat tawaran baharu kepada pemilik dan waris tanah melibatkan kira-kira 825 lot yang dimiliki 5,359



KHALID (depan) bersama Zulkurnain (kanan) meninjau keadaan Kampung Baru.

penama di Kampung Baru.

Khalid berkata, pelan pembangunan tersebut juga bakal memasukkan zon tradisional seperti pengekan imej Melayu termasuk rumah-rumah tradisional Kampung Baru.

Beliau juga menegaskan, kerajaan bakal mengumumkan tawaran penjualan tanah di Kampung Baru pada kadar harga munasabah mengikut harga pasaran berasaskan syarat pemilikan tanah orang Melayu yang perlu dikekalkan.

Sementara itu, Perbadanan Kampong Bharu

membuka pendaftaran secara online bagi pemilik tanah yang berhasrat hadir pada sesi Town Hall di Dewan Felda pada 21 September ini dengan melakukan di laman web www.pkb.gov.my/town-hall.

Katanya perbadanan itu, pendaftaran secara *walk in* juga boleh dilakukan dengan datang ke pejabat PKB di Kampung Baru dengan membawa bukti kad pengenalan, geran tanah dan dokumen berkaitan seperti salinan hak milik tanah atau cukai tanah bagi waris dan syarikat serta pertubuhan.

Tawaran beli tanah perlu ikut harga pasaran

KUALA LUMPUR – Rata-rata waris pemilik tanah di Kampung Baru di sini menyifatkan bahawa sudah tiba masanya penduduk di mengorak langkah bersama pihak kerajaan untuk membangunkan semula kawasan kampung tradisi tersebut.

Malah bagi mereka, langkah pihak kerajaan memberikan penerangan secara jelas berkaitan rancangan projek pembangunan tersebut membolehkan pemilik dan waris berasa yakin.

Menurut Roslan Saidi, 62 yang merupakan generasi kedua penduduk kampung tersebut menyatakan, sudah sampai masanya penduduk bersama pihak kerajaan membangunkan semula kampung

itu dan seterusnya meningkatkan taraf kehidupan orang Melayu di bandar raya ini.

"Sebelum ini kita banyak

mendengar tohmahan liar daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Namun penerangan yang diberikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad amat menepati apa yang diperlukan oleh pihak waris. Malah jaminan daripada menteri bahawa rancangan kerajaan tidak akan menghalau orang Melayu amat diperlukan kerana terlalu banyak tohmahan liar ditimbulkan



ROSLAN



AMIR



JOHARI

sebelum ini,"katanya.

Kata Roslan, seluruh keluarganya dan majoriti waris pemilik tanah menyambut baik hasrat kerajaan untuk meneruskan usaha pembangunan semula.

Namun katanya, harga yang ditawarkan oleh pihak kerajaan bagi membeli tanah penduduk haruslah berpadanan dengan nilai semasa di kawasan ini.

Sementara itu, Amir Al-

Zahari Mohamad, 62, yang merupakan generasi ketiga berkata, generasi pewaris tanah di Kampung Baru adalah orang yang mempunyai pendidikan yang tinggi dan mereka boleh membuat penilaian terhadap sebarang rancangan kerajaan.

Jelasnya Amir Al-Zahari lagi, walaupun kebanyakan waris asal Kampung Baru menetap di luar kawasan tersebut, mereka pasti akan kembali ke sini sekiranya pembangunan berkenaan menjadi kenyataan.

"Sudah pasti kawasan ini akan berwajah baharu dengan sistem jalan raya moden dan dinaik taraf dan seterusnya menunjukkan kemodenan orang Melayu di kawasan

ini. Menteri juga memberikan jaminan untuk mengekalkan ciri-ciri tradisional di kawasan ini apabila projek berkenaan dilaksanakan nanti,"katanya.

Johari Abdullah, 73, pula amat berharap agar identiti Kampung Baru sebagai penempatan orang Melayu di tengah bandar raya tidak lenyap walaupun dibangunkan.

"Identiti Melayu tidak wajar dikorbankan kerana sejarah Kampung Baru amat sinonim dengan orang Melayu. Saya berharap apabila dibangunkan kelak, ia akan menjadi mercu tanda baharu dan menggalakkan industri pelancongan pada masa hadapan," katanya yang juga waris generasi ketiga di kampung itu.

Sebaran maklumat diperluas ke seluruh negara

Portal Wilayahku dekati masyarakat

Oleh **NAZWIN NAZRI**
winwilayahku@gmail.com
Foto **NAZIRUL ROSELAN**

PUTRAJAYA – Pelancaran portal berita Wilayahku yang disempurnakan Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad baru-baru ini mendapat maklum balas positif daripada warga Wilayah Persekutuan.

Pengenalan portal *Wilayahku.com.my* itu sejajar dengan perkembangan semasa bagi membolehkan rakyat seluruh negara mendapat maklumat berkaitan perkembangan yang berlaku di Wilayah Persekutuan termasuk aktiviti warganya.

Khalid berkata, portal berita itu diwujudkan susulan akhbar berusia lapan bulan berkenaan turut mendapat permintaan tinggi dari penduduk di luar Wilayah Persekutuan.

Ujar beliau, portal itu juga sejajar dengan perkembangan masa kini yang mana maklumat disebarkan dengan lebih cepat dan pantas kepada pembaca sekali gus memperluaskan lagi liputan pembaca ke seluruh negara malah



KHALID (kanan) bersama Saripuddin menunjukkan portal Wilayahku yang dilancarkan di Menara Seri Wilayah, Putrajaya baru-baru ini.



KHALID (kanan) bersama Saripuddin menunjukkan buku 365 Hari Mengurus Transisi Memenuhi Harapan yang dilancarkan baru-baru ini.

boleh diakses warga dunia.

Khalid menyatakan portal berita yang setanding dengan

media arus perdana dan media baharu amat penting bagi sesebuah kementerian seperti

Kementerian Wilayah Persekutuan berikutan masyarakat terdedah kepada penyebaran berita palsu atau separa benar yang ditular pihak tidak bertanggungjawab dalam media sosial.

"Pada 4 Januari lalu, saya melancarkan akhbar *Wilayahku* yang diurus terbit oleh Wilayah Media Sdn. Bhd., anak syarikat Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP). Diam tidak diam sekarang sudah 32 edisi akhbar *Wilayahku* berjaya diterbitkan setiap minggu.

"Apa yang membanggakan, akhbar ini sudah berjaya mendapat tempat dalam kalangan masyarakat kota malah diterima baik penduduk di Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Buku *365 Hari Mengurus Transisi Memenuhi Harapan* dan Pelancaran Portal Berita Wilayahku di sini baru-baru ini.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Saripuddin Kasim dan Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Zaizal-nizam Zainun.

REAKSI pengguna portal Wilayahku



"SAYA berharap kandungan portal ini akan menyiarkan setiap perkara yang berlaku di

Wilayah Persekutuan dan seterusnya dapat membantu pihak kerajaan memperkatakan dasar-dasarnya serta menjadi medium membantu warga Wilayah Persekutuan"

ZAHIR HASSAN
Ahli Lembaga Penasihat DBKL

"PORTAL *Wilayahku* merupakan satu platform yang amat diperlukan oleh penduduk di Wilayah Persekutuan yang menghadapi 1,001 macam masalah. Dengan kehadiran portal ini pastinya dapat membantu menyelesaikan masalah mereka"



NASARUDDIN HASIM
Pendidik Bahasa Arab



"PORTAL *Wilayahku* sangat interaktif dan mesra pengguna. Pembaca juga dapat mencari

berita-berita terdahulu serta mendapat maklumat terkini tentang Wilayah Persekutuan. Walaupun baharu, ia sudah berjaya mendapat perhatian rakyat Malaysia"

NUR FARAHIN HUSSIN
Wartawan

"DENGAN adanya portal *Wilayahku*, saya yang menetap di Perlis dapat mengetahui maklumat di sekitar



Wilayah Persekutuan khususnya aktiviti masyarakat setempat. Selain itu ia juga memudahkan saya mencari tempat makan sedap dan lokasi menarik apabila berkunjung ke sana"

AZILA AZIZ
Pereka Grafik

Rakam cabaran setahun terajui KWP

PUTRAJAYA – Buku *365 Hari Mengurus Transisi Memenuhi Harapan* menggambarkan sisi sebenar Khalid Abd. Samad serta tanggungjawab yang dipikul selepas dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan pada 2 Julai 2018.

Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Saripuddin Kasim berkata, buku yang mempunyai 117 halaman itu merupakan kompilasi ucapan, gambar dan tulisan khas menteri bertajuk Setahun Sebagai Menteri Wilayah Persekutuan merupakan catatan sebenar tentang tempoh satu tahun kepimpinan Khalid.

Beliau memetik sebagai isi kandungan buku tersebut; "Semoga tahun pertama ini dapat membaiki kemahiran penguru-



KHALID menurunkan tandatangan pada buku 365 Hari Mengurus Transisi Memenuhi Harapan.

san dan pentadbiran saya serta memperbetulkan peranan saya selama ini kerana kini bukan lagi pembangkang tetapi pentadbir dan pemerintah. Tugas saya bukan lagi untuk mencari kesilapan dan kelemahan tetapi untuk menyelesaikan masalah, membina jati diri rakyat dan

membangunkan negara,"

"Demikian intipati sebenar buku tersebut, saya percaya hadirin sekalian dapat merasai apa yang cuba dilaksanakan oleh Yang Berhormat Menteri sepanjang tempoh setahun," kata beliau ketika berucap merasmikan buku tersebut pada

majlis perasmian buku tersebut di sini baru-baru ini.

Menurut Saripuddin, Khalid juga seorang yang istimewa kerana sangat kuat bekerja selain komited dan berusaha keras.

"Saya secara peribadi ingin menyatakan beliau seorang menteri yang komited, bekerja keras. Ia berdasarkan pengalaman saya menjadi KSU selama hampir lapan tahun dan berkhidmat di bawah empat buah kementerian serta beberapa orang menteri daripada pelbagai parti politik," jelasnya.

Buku terbitan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Wilayah Media Sdn. Bhd. itu merakamkan pelbagai aktiviti di kementerian dan agensi-agensi selain fokus kepada 10 kejayaan utama yang dicapai selama setahun.